



## KENYATAAN MEDIA

21 Januari 2016

### **BUKU MANUAL PROSEDUR KERJA KOLEJ KEDIAMAN UniMAP DILANCARKAN**

Pauh Putra, 21 Januari – Majlis Pengurusan Kolej Kediaman Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mencipta sejarah tersendiri apabila berjaya menerbitkan Buku Manual Prosedur Kerja (MPK) bagi melancarkan pengurusan kolej kediaman di universiti itu.

Buku berkenaan dilancarkan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UniMAP, Prof Madya Dr Mohd Fo'ad Sakdan yang mewakili Naib Canselor ketika merasmikan Majlis Konvesyen Kolej Kediaman di Auditorium Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, di sini.

Hadir sama Dekan HEPA, Prof Madya Razli Ahmad dan Pengerusi Majlis Pengurusan Kolej Kediaman En Hirwan Jasbir Jaafar.

Dr Mohd Foad berkata buku itu dihasilkan selepas Majlis Pengurusan Kolej Kediaman ditubuhkan pada 1 Januari lalu dengan diterajui oleh semua Pengetua Kolej Kediaman mengikut portfolio yang ditetapkan oleh pihak pengurusan tertinggi universiti.

Menurutnya, buku itu mengandungi keseluruhan panduan prosedur tugas bagi pengurusan kolej kediaman yang juga boleh dijadikan rujukan oleh Pusat Tanggungjawab (PTj) yang lain berkenaan urusan berkaitan.

Katanya, kakitangan kolej kediaman khususnya dapat melakukan tugas mereka dengan lancar dengan kewujudan buku itu sekaligus dapat memberi gambaran yang jelas tentang prosedur tugas setiap kakitangan.

“Saya yakin buku ini dapat mewujudkan urus tadbir pengurusan kolej kediaman yang lebih seragam, mantap, efisien dan sistematik bagi mencapai visi serta misi universiti,” katanya ketika berucap di majlis berkenaan.

Dalam majlis itu turut diadakan penyampaian surat perlantikan jawatankuasa majlis pengurusan kolej kediaman terdiri daripada Pengetua dan Penolong Pengetua Kolej Kediaman.

Terdahulu, Bengkel Pemurnian Manual Prosedur Kerja, Fail Meja dan Penetapan Sasaran Kerja Tahunan Kolej Kediaman telah diadakan di Dewan Kuliah 9 melibatkan seluruh kakitangan kolej kediaman.

**Dikeluarkan Oleh :**

**AININULNIZA MOHD YUSOF**

Pegawai Perhubungan Media UniMAP